

001
MAHATHIR - KAJIAN

1976

MELAKA, 7 MEI (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEGASKAN PERLUNYA KAJIAN TELITI DALAM PELAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN UNTUK FAEDAH RAKYAT DAN NEGARA.

RANCANGAN-RANCANGAN TERSEBUT HENDAKLAH DILAKSANAKAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENDAPAT HASIL LEBIH BAIK.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA, HASIL RANCANGAN ATAU PROJEK KERAJAAN JANGALAH SEMATA-MATA DIPERHITUNGAN DARI SEGI KEWANGAN SAJA, MALAH DARI SUDUT SOSIAL DAN EKONOMI JUGA.

SETENGAH-SETENGAH RANCANGAN KERAJAAN DIMASA LALU TIDAK MENDATANGKAN HASIL WALAUPUN DI SEGI SOSIAL.

KATANYA: +KITA MUNGKIN KERUGIAN WANG BAGI SESUATU PERKARA, TETAPI JIKA KITA BOLEH MENGADAKAN PEKERJAAN KEPADA RAKYAT, DAN MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA, INI ADALAH BAIK BAGI KERAJAAN.+
- BERSAMBUNG 1840/BW

608

MAHATHIR - KAJIAN 2 MELAKA

MENGENAI PEMBANGUNAN DI MELAKA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN NEGERI MESTILAH BERUSAHA MENAMBAHKAN PELABORAN UNTU -K MENGADAKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN DAN HASIL NEGERI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENINGATKAN, PENDUDUK DI MELAKA MESTILAH JUGA MENGUBAH CARA HIDUP UNTUK BEKERJA DI KILANG-KILANG, DAN TIDAK SEMATA-MATA BERHARAPKAN KEPADA TANAH YANG SEMAKIN SUKAR DIPEROLEHI.

PERUSAHAAN TIDAK MEMBERI GUNA JIKA RAKYAT DARI NEGERI-NEGERI LAIN TERPAKSA PULA DATANG KE MELAKA UNTUK MENGISI PELUANG PEKERJAAN, SEPERTI YANG BERLAKU DIMASA LALU.

MENGENAI KESELAMATAN, DR. MAHATHIR PUAS HATI DENGAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN DI NEGERI INI. - BERNAMA 1848/BW